

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 / 2 / 2011

Tidak perlu wujud portfolio hal ehwal bukan Islam

KEPALA BATAS 20 Feb. - Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan DAP Pulau Pinang tidak perlu mewujudkan portfolio untuk menjaga hal ehwal bukan Islam kerana Kerajaan Pusat memang sentiasa menjaga kebajikan agama lain di negara ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri pimpinan Lim Guan Eng juga tidak semestinya mengambil pendekatan mewujudkan portfolio berkenaan kerana Kerajaan Pusat memang memberi



perhatian

kepada penganut agama lain.

"Kerajaan Pusat juga tidak pernah menyetujui sebarang aduan atau permintaan yang telah disampaikan oleh agama lain. Jadi, saya fikir tidak perlu apa-apa lagi institusi atau badan untuk beri perhatian kepada perkara itu (hal ehwal bukan Islam).

"Malaysia juga mengakui rakyatnya bukan semua menganuti agama Islam dan kerajaan sentiasa memberi perhatian hal-hal berkaitan agama lain. Setakat ini sudah memadai untuk beri respon kepada se-

barang masalah yang timbul," kata Abdullah yang juga Anggota Parlimen Kepala Batas kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Persekutuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Kepala Batas di sini hari ini.

Rabu lepas, Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP mengumumkan penubuhan portfolio baru untuk menjaga hal ehwal bukan Islam yang akan bertanggungjawab ke atas perkara membabitkan agama Buddha, Taoisme, Kristian, Sikh dan Hindu.

Portfolio itu dipengerusikan oleh Guan Eng sendiri, sementara Timbalan Ketua Menteri II, E Ramasamy dilantik menjadi timbalannya. - BERNAMA